

LITERATURE ANALYSIS OF POVERTY THEORY FROM A CONVENTIONAL AND ISLAMIC PERSPECTIVE

ANALISIS LITERATUR TEORI KEMISKINAN DARI PERSPEKTIF KONVENSIIONAL DAN ISLAM

Nurfitriyah Salihah Shahrinⁱ, Azri Bhariⁱⁱ, Nurul 'Ain Mohdⁱⁱⁱ, Mohammad Mahyuddin Khalid^{iv}, Mohd Faiz Mohamed Yusof^v, Mohd Ashrof Zaki Yaakob^{vi}, Norazlina Mamat^{vii} & Mohd Yusra Abdullah^{viii}

- ⁱ Calon Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. fitriyahuitm@gmail.com
- ⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). azrib178@uitm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). ainmohd@uitm.edu.my
- ^{iv} Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). emkay@uitm.edu.my
- ^v Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). faizyusof@uitm.edu.my
- ^{vi} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). ashrof@uitm.edu.my
- ^{vii} Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). norazlinamamat@uitm.edu.my
- ^{viii} Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). yusra@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>Poverty is a problem that has faced the global community for decades despite various eradication measures taken by the government. Other problems also arise when the definition of poverty varies between countries and cultures. Thus, this article's aim to discuss the definition of poverty from conventional and Islamic perspectives. This study uses a qualitative approach that involves library research. In analyzing, this uses a descriptive approach method. The data that has been collected is then analyzed and clarified. The results of this study found that conventional poverty is based on material compared to poverty, according to Islam taking into account the shortcomings other than material.</i></p> <p>Keywords: <i>Faqir, Poverty, Islam, Conventional, Theory.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kemiskinan merupakan masalah yang telah dihadapi masyarakat global sejak berdekad lama meskipun pelbagai langkah pembasmian telah dilakukan oleh kerajaan. Masalah lain juga timbul apabila pentakrifan kemiskinan berbeza-beza antara negara dan budaya. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk membincangkan pentakrifan kemiskinan daripada perspektif konvensional dan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan. Dalam menganalisis, kajian ini menggunakan kaedah pendekatan deskriptif. Data yang telah dikumpul kemudiannya dianalisis dan diperjelaskan. Hasil kajian ini mendapati bahawa kemiskinan konvensional adalah bersifat material dan kebendaan semata-mata dibandingkan dengan kemiskinan menurut Islam yang mengambil kira kekurangan selain material.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Faqir, Miskin, Islam, Konvensional, Teori.</i></p>

PENDAHULUAN

Kemiskinan merupakan masalah tertua dalam sejarah kehidupan manusia baik di negara maju mahupun negara membangun. Berdekad lamanya, banyak negara telah merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan sosial sebagai usaha untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, hanya sebahagian negara yang berjaya melepaskan diri daripada meminum air yang tidak bersih, terputusnya bekalan makanan, wabak penyakit, buta huruf, tempat tinggal yang sempit, dan kelahiran bayi pramatang (Zahir, 2018).

Menurut Bank Dunia (2019), sebanyak 736 juta individu hidup dalam kemiskinan melampau. Ditambah pula dengan krisis penularan wabak pandemik Covid-19 yang melanda dunia pada masa kini telah menjadikan usaha pembasmian kemiskinan yang telah dirancang terhapus begitu sahaja. Hal ini disebabkan pandemik ini bukan sahaja memberi kesan ke atas kesihatan manusia, malah turut menjejaskan ekonomi yang melibatkan semua pihak; yang paling terkesan tentunya individu miskin akibat kehilangan pekerjaan, kenaikan harga dan kos sara hidup yang meningkat. Pandemik ini sekali gus meletakkan individu yang miskin sukar untuk mendapatkan akses perkhidmatan pendidikan dan kesihatan yang lebih baik.

Takrifan kemiskinan adalah suatu yang sentiasa berubah-ubah dan berbeza-beza. Malah tiada suatu pun yang tetap dan spesifik. Bahkan, tokoh-tokoh ekonomi, pendidikan, kesihatan, sosial, sejarawan turut mendefinisikan konsep kemiskinan mengikut disiplin kepakaran masing-masing. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), istilah 'miskin' merujuk kepada seorang yang tidak berharta dan hidup dalam keadaan serba kekurangan dari sudut memperolehi barang-barang keperluan hidup. Dalam usaha membasmi kemiskinan, pentingnya terlebih dahulu mengenal pasti individu yang dikategorikan sebagai miskin.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pengumpulan data dilakukan secara kajian kepustakaan bagi mendapatkan maklumat yang berautoriti. Maklumat yang diperolehi digunakan untuk menyokong, menjelaskan dan memperincikan kajian agar dapat diteliti dengan baik. Dalam kajian ini, pengkaji mengumpulkan maklumat mengenai konsep kemiskinan melalui kaedah kepustakaan yang melibatkan pencarian dan pengumpulan bahan primer seperti al-Quran dan bahan sekunder seperti buku, artikel, jurnal, kertas kerja yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, laman sesawang dan lain-lain. Proses seterusnya, data dianalisis dan dihurai bagi memperolehi dapatan kajian yang dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji, iaitu teori kemiskinan dari perspektif konvensional dan Islam.

KEMISKINAN MENURUT PERSPEKTIF KONVENSIONAL

Di Barat, antara kajian kemiskinan zaman klasik terawal dan penting ialah kajian yang dibuat oleh Smith (1776) yang mentakrifkan kemiskinan sebagai keadaan ketidakbolehcapaian seseorang untuk memenuhi keperluan hidup, pada masa yang sama ia juga adalah ketidakupayaan seseorang untuk mengikuti kebiasaan masyarakat yang ada. Beliau turut menyatakan dalam bukunya yang terkenal *Wealth of Nations*, bahawa orang Yunani dan Rom boleh hidup dengan selesa tanpa menggunakan kain linen. Akan tetapi pada masa sekarang, sebahagian besar masyarakat bangsa Eropah bahkan seorang pekerja harian akan berasa malu sekiranya mereka tampil di khalayak ramai tanpa memiliki baju berkain linen. Hal ini kerana mereka yang tiada memiliki kain linen dianggap sebagai miskin. Begitu juga dengan baju linen yang pada hari ini dikenali sebagai sut yang kemas, telefon bimbit, kasut yang sesuai dan kemampuan berinteraksi dengan teknologi dilihat menjadi suatu keperluan zaman mutakhir ini. Seseorang yang tidak memilikinya akan tersisih dalam kalangan masyarakat dan menyebabkan banyak halangan untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai serta menjalani kehidupan mengikut *standard*.

Stigler (1990) turut membincangkan pandangan Ricardos yang mempunyai pandangan berbeza mengenai kemiskinan. Beliau berpendapat bahawa kemiskinan wujud disebabkan kekurangan makanan. Oleh sebab sumber semula jadi terhad, beliau menjangkakan bahawa kadar kemiskinan akan terus meningkat dan pada masa yang sama juga kos turut meningkat. Hal ini menyebabkan ramai kehilangan keupayaan untuk membeli barangan tertentu. Menurut beliau lagi, penyelesaian kepada kemiskinan adalah mengawal jumlah populasi. Ini kerana pertambahan populasi tidak meningkatkan kadar bekalan makanan. Stigler turut menerima idea Thomas Malthus mengenai pertumbuhan penduduk yang mana Ricardos berpendapat kadar kemiskinan dapat dicegah daripada terus meningkat sekiranya pertumbuhan populasi penduduk dihentikan dengan segera. Meskipun idea Ricardo ini berbeza dengan Adam Smith mengenai kemiskinan, namun persamaan antara mereka berdua tetap menyalahkan masyarakat disebabkan kemiskinan yang berlaku dengan cara yang berbeza. Adam Smith berpendapat bahawa kemiskinan disebabkan ketidaksamaan yang berlaku antara individu dan masyarakat, manakala Ricardo berpendapat bahawa masalah mereka penyebab kemiskinan.

Malthus (1973), yang masyhur dengan Theory of Population telah mengupas isu kemiskinan ini sebagai suatu fenomena yang wajar berlaku untuk mengawal masyarakat. Menurut beliau, pertumbuhan populasi dapat dihentikan secara semula jadi sama ada melalui kelaparan, penyakit, dan peperangan. Kaedah ini akan menyebabkan pertumbuhan populasi menurun secara berterusan. Tambahan pula, masyarakat itu sendiri boleh melaksanakan pencegahan pertumbuhan populasi dengan tidak melakukan hubungan seksual dan berkahwin lambat. Idea Malthus ini turut bercanggah dengan Adam Smith kerana beliau melihat kemiskinan merupakan suatu perkara semula jadi yang dapat membantu mengawal pertumbuhan populasi. Sedangkan Adam Smith melihat kemiskinan adalah masalah ketidaksamaan sosial.

Paine (1797) turut berbeza pandangan dengan memahami bahawa konsep kemiskinan dirujuk sebagai ketidakadilan yang disebabkan salah laku undang-undang dan politik. Contohnya, undang-undang tanah sedia ada banyak memberikan keuntungan dan hak eksklusif kepada golongan elit daripada pemilikan tanah tersebut sehingga menyebabkan individu yang berhak kehilangan hak sewajarnya mendapat pampasan atas kerugian mereka. Sen (1983) telah melihat kemiskinan dalam konteks kekurangan dan ketidakupayaan seorang individu. Keadaan ini adalah situasi seorang yang dikategorikan miskin dan mempunyai pendapatan di bawah garis kemiskinan serta hanya mampu memperoleh keperluan harian secara minimum (Ravallion, 1998).

Kemiskinan menurut pandangan Za'ba tidak hanya dilihat pada kekurangan harta dan wang ringgit, sebaliknya kemiskinan menurut beliau ialah miskin perangai atau kelakuan, miskin pengetahuan yang menyebabkan fikiran masyarakat tertutup. Seterusnya, Za'ba mendapati bahawa kemiskinan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu ialah miskin cita-cita untuk membentuk masa depan yang lebih baik dan miskin agama kerana telah menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh sebab itu, Za'ba menggambarkan bahawa kehidupan masyarakat Melayu sebagai masyarakat yang serba kekurangan, iaitu miskin dan mundur dan beliau juga tidak bersetuju sekiranya keturunan atau baka menjadi antara punca kemiskinan (Haron Daud, 1995).

Walau bagaimanapun, Bank Dunia (2004), telah mentakrifkan kemiskinan sebagai multidimensi yang merujuk kepada kekurangan kemudahan, pendidikan, keselamatan, peluang dan tahap kesihatan yang rendah. Jurang kemiskinan yang ketara menyebabkan individu memperoleh tahap pencapaian pendidikan yang rendah berikutan mereka hidup dalam persekitaran kemiskinan (Faridah et al. 2005). Checchi (1998) mentakrifkan individu yang berpendidikan rendah sebagai orang yang tiada memperoleh pendidikan minimum untuk meneruskan kehidupan yang mana mereka perlu sekurang-kurangnya menamatkan tahun persekolahan wajib seperti yang ditetapkan oleh sekolah.

Kemiskinan memberi kesan kepada kesihatan. Kemiskinan menyebabkan seseorang individu mendapat penyakit kerana kekurangan nutrisi (Roberts, 2017). Ia juga merupakan suatu keadaan yang memaksa individu untuk hidup dalam persekitaran yang membuatkan mereka jatuh sakit, tanpa tempat perlindungan, air yang bersih dan kemudahan sistem sanitasi (WHO, 2020). Keadaan ini menjelaskan bahawa tingkatan pendapatan memberikan kesan kepada tahap pengambilan nutrien oleh sebuah isi rumah dan ditambah pula kesukaran akses kepada pencapaian makanan (Ibrahim & Radin, 2014). Sebagai contoh, kegiatan aktiviti pembalakan telah menyukarkan Komuniti Lanoh untuk memperoleh sumber makanan daripada hasil hutan. Hal ini kerana mereka terpaksa ke dalam hutan yang lebih jauh dan mengambil masa yang lama serta tenaga yang banyak semata-mata untuk mendapatkan sumber makanan (Nor Haidanadia et al. 2016).

Suryawati (2005) pula melihat kemiskinan sebagai keadaan kekurangan yang menyukarkan seseorang individu mencapai jaringan sosial bagi meningkatkan produktiviti dirinya. Kebiasaannya, faktor budaya menjadi penghalang untuk segelintir masyarakat melakukan perubahan kerana dalam budaya terdapat norma-norma yang mesti dipatuhi oleh masyarakat terutamanya dalam kegiatan seperti perkahwinan, kelahiran dan kematian. Adakalanya budaya menyebabkan masyarakat tersebut terus dibelenggu kemiskinan.

Di Malaysia, kemiskinan ditakrifkan kepada kemiskinan mutlak dan relatif. Kedua-dua konsep ini diukur berasaskan satu pendapatan garis kemiskinan. Kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan isi rumah yang tiada mempunyai pendapatan yang cukup untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, perlindungan dan pakaian. Hal ini berlaku apabila pendapatan isi rumah berada di bawah kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan. Oleh sebab itu, isi rumah tersebut dikategorikan sebagai miskin. Sementara kemiskinan relatif berlaku apabila pendapatan isi rumah kurang daripada 60 peratus pendapatan penengah isi rumah. Dalam erti kata lain, kemiskinan relatif adalah perbandingan tingkatan kesejahteraan individu dengan tingkat kesejahteraan orang lain (Norzita & Siti Hadijah, 2014; Zulkipli Omar, 2018).

Justeru itu, tafsiran kemiskinan daripada kajian-kajian lepas sedikit sebanyak membantu dalam memahami erti kemiskinan. Malah turut memudahkan lagi proses untuk mengenal pasti isi rumah miskin dari aspek kekurangan lain selain pendapatan.

KEMISKINAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Kemiskinan merujuk pada keadaan serba kekurangan daripada pelbagai dimensi. Islam telah membahagikan kemiskinan kepada dua, iaitu fakir dan miskin.

Istilah Fakir dan Miskin

Menurut Kamus al-Hamidi (1941), fakir (فقير) berasal daripada فقر yang bermaksud papa, orang yang berhajat dan orang yang dalam kesempitan. Miskin (مسكين) pula berasal daripada perkataan سكن pula merujuk kepada keadaan miskin, hina dan papa, berdiam diri, tidak bergerak dan hanya berada di rumah sahaja. Begitu juga dalam tafsir Abu Ja'far al-Tabari (2000) yang mengatakan bahawa fakir bermaksud memerlukan dan istilah miskin merujuk kepada orang yang rendah dan hina. Firman Allah SWT:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ ﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin" (al-Qur'an. al-Tawbah: 60).

Kalimah الفقراء dalam ayat ini merupakan kata jamak yang berasal daripada kalimah الفقير, iaitu orang yang tidak memiliki harta dan pekerjaan untuk memenuhi keperluan hidupnya. Golongan fakir adalah mereka yang hidup dalam serba kekurangan dan bukan berkecukupan serta tiada memiliki sesuatu. المساكين adalah jamak dari kata المسكين, iaitu orang yang memiliki harta atau pekerjaan tetapi masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan hidupnya. Mereka ini adalah kelompok yang serba kekurangan. Tafsiran tersebut

disokong oleh Ibn Kathir (2000), bahawa orang miskin adalah orang yang tiada memiliki keperluan yang mencukupi sama ada makanan, pakaian ataupun tempat tinggal. Hanya sekadar mampu memenuhi keperluan minimum untuk diri dan keluarga sahaja. Namun demikian, berbeza pula dengan istilah *faqr* yang merujuk pada keadaan kehilangan benda yang diperlukan. Oleh itu, fakir dianggap tidak miskin sekiranya hilang benda yang tidak diperlukan.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pendapat dalam penentuan fakir dan miskin antara para ulama fiqh berkenaan golongan mana yang paling parah keadaan kemiskinannya. Hal ini kerana jika diteliti kefakiran dan kemiskinan ditentukan berdasarkan pemilikan harta yang mana golongan miskin dilihat lebih baik keadaannya berbanding fakir yang mempunyai apa-apa padanya. Berdasarkan firman Allah SWT:

﴿أَمَّا السَّفِينَةُ فَكَانَتْ لِمَسْكِينٍ يَعْمَلُونَ فِي الْبَحْرِ فَأَرْدَتْ أَنْ أَعْيِبَهَا وَكَانَ وَرَاءَهُمْ مَلِكٌ يَأْخُذُ كُلَّ سَفِينَةٍ غَصْبًا﴾

Maksudnya: “Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang-orang miskin yang bekerja di laut; oleh itu, Aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya, kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiap sebuah perahu yang tidak cacat” (al-Qur’an. al-Kahfi: 79).

Berdasarkan petikan ayat di atas, orang miskin bukanlah golongan yang tiada mempunyai apa-apa. Bahkan dalam ayat ini orang miskin mempunyai perahu untuk bekerja, cuma pendapatan yang diperolehi mereka tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan hidup mereka. Bahkan Rasulullah SAW juga berdoa memohon kepada Allah SWT agar dijadikan orang miskin dan berlindung daripada kefakiran sebagaimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA berkata, bahawa Nabi SAW pernah bersabda, “Ya Allah hidupkanlah aku dalam keadaan miskin dan matikanlah aku dalam keadaan miskin, serta kumpulkanlah aku bersama orang-orang miskin di hari kiamat” (Hadith. al-Tirmidhiyy. Bab Zuhud. 2352).

Pandangan Para Ulama

Istilah fakir dan miskin ini turut ditafsirkan oleh para ulama empat mazhab. Mazhab Syafi'i dan mazhab Hanbali berpendapat bahawa orang fakir keadaannya lebih teruk teruk daripada orang miskin (al-Nawawiyy, 2002). Dalam mazhab Hanbali, fakir ialah mereka yang tiada mempunyai harta atau tiada mempunyai separuh daripada ukuran keperluan asasi berdasarkan had al-kifayah. Miskin pula ialah mereka yang hanya mencapai separuh atau lebih sedikit had al-kifayah tersebut namun belum sempurna sepenuhnya (al-Bahutiyy, 1993). Kedua-dua mazhab ini sependapat bahawa orang fakir ialah orang yang tiada memiliki harta sama sekali dan tiada mempunyai sebarang pekerjaan yang membolehkan mereka memenuhi keperluan hidup. Sebaliknya orang miskin ialah orang yang memiliki harta, namun tidak mencukupi untuk memenuhi keperluannya.

Akan tetapi, pendapat dua mazhab Syafi'i dan Hanbali ini bercanggah dengan mazhab Hanafi dan Maliki yang mana orang miskin lebih parah keadaannya berbanding fakir. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿أَوْ مِسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ﴾

Maksudnya: “atau orang miskin yang sangat fakir” (al-Qur’an. al-Balad: 16).

Dalam mazhab Maliki, terdapat dua pandangan yang mentafsirkan golongan fakir dan miskin. Pandangan pertama menyatakan fakir sebagai mereka yang memiliki harta tetapi tidak mencukupi kadar keperluan asasi; sementara miskin pula ialah mereka yang tidak memiliki harta langsung. Pandangan kedua pula menyatakan kedua-duanya adalah sama (Ulaysh & Muhamad, 1984).

Dalam mazhab Hanafi pula, terdapat beberapa pandangan, antaranya daripada al-Hasan yang menyatakan miskin lebih teruk kerana meminta-minta berbanding fakir. Pandangan kedua daripada Qatadah, yang mengatakan bahawa golongan fakir lebih teruk kerana ditimpa kesusahan yang berpanjangan berbanding miskin yang sementara. Pandangan ketiga menyatakan fakir lebih baik kerana memiliki harta yang mencukupi keperluan asasi, manakala miskin pula ialah mereka yang tiada mempunyai sebarang harta (al-Kasaniyy, 2003).

Selain itu, pakar bahasa juga berselisih pendapat mengenai istilah fakir dan miskin. Abu Yusuf dan Muhammad berpendapat bahawa fakir miskin adalah satu golongan. Berbeza pula dengan Ashma'i dan Ibnu as-Sikkit yang mengatakan bahawa miskin ialah orang yang tiada memiliki apa-apa dan fakir adalah mereka yang memiliki sedikit harta yang dapat memenuhi keperluannya. Pendapat Ashma'i dan Ibnu as-Sikkit ini selari dengan pendapat mazhab Hanafi dan Maliki.

Di Malaysia, tahap kecukupan fakir dan miskin untuk memenuhi keperluan asas buat diri dan tanggungannya adalah berbeza. Fakir tidak dapat memenuhi kurang daripada 30 peratus, manakala pendapatan golongan asnaf miskin hanya dapat menampung 80 peratus untuk keperluan hariannya seperti makanan dan minuman. Untuk mencapai tahap hidup yang sempurna, had al-kifayah adalah tahap yang ideal untuk menjamin kelangsungan individu dan tanggungannya (Mansor et al. 2013). Oleh sebab itu, pemerintah bertanggungjawab menentukan kadar had al-Kifayah yang bersesuaian dengan kadar keperluan yang diperlukan seorang individu.

Justeru, perbezaan pandangan yang berlaku antara fuqaha ini tidaklah sampai menimbulkan masalah dalam pembahagian zakat khususnya terhadap golongan lapan asnaf yang layak menerima zakat. Hal ini kerana telah dinyatakan dengan jelas asnaf yang layak menerima zakat dalam *Surah al-Tawbah* ayat 60. Perbezaan yang berlaku hanya dari segi keadaan mana yang paling parah kehidupannya atau dalam erti kata lain adalah pengukuran kemiskinan asnaf fakir miskin.

PERBANDINGAN TEORI KEMISKINAN KONVENSIONAL DAN ISLAM

Jadual 1: Perbandingan Teori Kemiskinan dari Perspektif Konvensional dan Islam

Aspek Teori Kemiskinan	Konvensional	Islam
Sumber	Manusia	Al-Quran, al-Sunnah, Hadis & Ijma'
Matlamat	Meletakkan aspek keuntungan maksimum	Mengesakan Allah SWT
Keperluan manusia	Material	Material & spiritual
Paras kemiskinan	Miskin mutlak & miskin relatif	Fakir & miskin

Berdasarkan Jadual 1 di atas, tafsiran kemiskinan dalam Islam adalah merujuk kepada beberapa sumber utama, iaitu al-Quran, Hadis dan Ijma. Hal ini dapat memberikan makna dan panduan kepada manusia untuk memahami kemiskinan secara keseluruhannya tanpa terikat dengan pengaruh masyarakat dan pelbagai disiplin ilmu. Meskipun terdapat khilaf pandangan ulama, namun ia tidak sampai menafikan hak golongan asnaf yang layak menerima zakat. Tafsiran kemiskinan dari perspektif konvensional pula ditentukan oleh manusia dalam masyarakat berdasarkan piawaian tertentu, namun ia boleh berubah-ubah mengikut kesesuaian masyarakat. Oleh sebab itu, tafsiran kemiskinan konvensional yang diberikan bersifat tidak tetap dan berbeza mengikut individu, bangsa, negara dan ideologi kerana keperluan antara masyarakat adalah berbeza-beza.

Kerangka teori kemiskinan konvensional dibentuk berasaskan pemikiran manusia yang mengandungi unsur untuk mencapai keuntungan atau faedah dalam apa-apa kegiatan ekonomi secara maksimum. Keadaan ini menyebabkan konsep kemiskinan bersifat terhad kerana bergantung kepada akal manusia yang terbatas dalam mentafsir kemiskinan. Justeru

itu, ia tidak dapat ditafsir secara menyeluruh dan terhad kepada kehidupan ukhrawi sahaja. Berbeza dengan kemiskinan dalam Islam yang meletakkan konsep tauhid sebagai matlamat utama dengan meletakkan hubungan Allah SWT dengan manusia dan hubungan sesama manusia di tempat paling ideal. Dalam hal ini, keesaan Allah SWT diakui apabila manusia menjalankan peranan sebagai khalifah di atas muka bumi ini dengan melaksanakan suruhan yang diperintahkan Allah SWT melalui pensyariatkan zakat bagi membantu golongan asnaf untuk mencapai kehidupan yang lebih sempurna dan sejahtera.

Selain itu, kemiskinan dalam Islam bertujuan memenuhi keperluan jasmani dan rohani manusia. Hal ini boleh dilihat berdasarkan pandangan para ulama dalam mentafsirkan kemiskinan sebagai kekurangan atau ketidakcukupan. Selain itu paras kemiskinan pula dibezakan antara dua asnaf, iaitu fakir dan miskin. Dari aspek kerohanian, miskin merujuk kepada miskin jiwa. Sutrahman (1996) menyatakan jiwa yang kosong menyebabkan seseorang individu mudah terdedah kepada pelbagai ancaman seperti akidah rosak, mengingkari etika dan akhlak, fikiran terganggu, kemerosotan institusi kekeluargaan, masyarakat dan negara. Ini disebabkan kemiskinan kebendaan dilihat sebagai masalah besar hidup sehingga mengabaikan amalan kerohanian dalam menuju kehidupan akhirat yang abadi. Pandangan konvensional pula hanya menitikberatkan keperluan jasmani dalam mengenalpasti individu yang dikategorikan miskin. Beberapa aspek kekurangan turut dilihat dalam menentukan kemiskinan seperti pendapatan, pendidikan, kesihatan, perlindungan dan keperluan asas lain. Di Malaysia, paras kemiskinan terbahagi kepada dua iaitu miskin mutlak dan relatif.

PENUTUP

Berdasarkan tafsiran kemiskinan yang diberikan, dapatlah disimpulkan bahawa kemiskinan merupakan keadaan serba kekurangan terutamanya keperluan asas seperti makanan, kesihatan dan lain-lain disebabkan tingkatan pendapatan isi rumah yang rendah. Kemiskinan menurut Islam lebih bersifat menyeluruh dibandingkan dengan kemiskinan konvensional. Dalam al-Quran terminologi fakir dan miskin merujuk kepada dua golongan miskin yang berbeza darjah keparahan kemiskinannya. Begitu juga dari aspek perspektif konvensional, isi rumah miskin dibezakan dengan garis pendapatan kemiskinan yang ditetapkan oleh pemerintah. Selain itu, kemiskinan menurut Islam bukan sahaja merangkumi perkara duniawi tetapi juga masalah ukhrawi meskipun ia mempunyai persamaan daripada aspek kekurangan material. Dalam hal ini, kemiskinan dalam Islam menggunakan pendekatan had kifayah sebagai ukuran kemiskinan yang mana jumlah individu miskin dapat dikenalpasti berdasarkan kriteria multidimensi.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MOHE) dan Universiti Teknologi Mara (UITM) di atas penajaan dana geran penyelidikan FRGS (600-IRMI/FRGS 5/3 (390/2019) bertajuk "Kajian Penentuan Asnaf Fakir Miskin Berasaskan Multidimensi di Institusi-Institusi Zakat di Malaysia".

RUJUKAN

Buku

- Abdul Hamid bin Ahmad Melaka al-Rawa. 1941. *Kamus al-Hamidi*. Tanjung Malim: Pejabat Karang Mengarang Sultan Idris Training College.
- Airaksinen, T. 1985. *Economic Justice: Private Rights and Public Responsibilities: an Amintaphil*. Dlm: Kipnis, K. & Meyers, D.T. (Pynt.). *Hegel On Poverty and Violence*, hlm. 42-50. United States of America: Rowman & Allanheld.
- al-Bahutiyy & Mansur bin Yunus bin Idris. 1993. *Sharh Muntaha al-Iradat*. Bayrut: Ālam al-Kutub.
- Carlson, J. & Dermer, B. S. 2017. *The SAGE Encyclopedia of Marriage, Family, and Couples Counseling*. United States of America: SAGE Publications, Inc.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- George, H. 1879. *Progress and Poverty: An Enquiry into the Cause of Industrial Depressions, and of Increase of Want with Increase of Wealth. The Remedy*. New York: Sterling Publishing Company.
- Hazlitt, H. 1973. *The Conquest of Poverty*. New York: Arlington House.
- Ibn Kathir. 2000. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Cairo: Mu'assasah Qurtubah & Maktabat Awlad al-Shaykh li al-Turath.
- Jami 'al-Tirmidhi. t.th. *Book of Zuhud*. Vol. 4, 2352.
- al-Kasaniyy, Ála' al-Din Abi Bakr bin Mas'úd al-Hanafi. 2003. *Bada'i' al-Sana'i' Fi Tartib al-Shara'i*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ílmiyyah.
- Malthus, T. R. 1973. *An Essay on The Principle of Population*. London: J. M. Dent.
- Muhammad Ammar Harith Idris & Mohd Anuar Ramli. 2017. *Isu-Isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. Dlm: Najahudin Lateh, Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahuddin (pnyt.). *Golongan Gelandangan di Malaysia: Antara Perluasan Tafsiran Asnaf Ibnu Al-Sabil dan Al-Riqab*, 121-132. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara.
- Muhammad Sayyid Tantawi. 2009. *Konsep Ijtihad dalam Hukum Syarak*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Berhad.
- Muhammad bin Jarir, al-Tabari. 2000. *Jami' al-Bayān 'an Ta'wil Āyi al-Qur'ān*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turāth al- 'Arabiyy.
- al-Nawawiyy, Abu Zakariya Yahya bin Sharaf al-Dimasyqi. 2002. *Rawdah al-Talibin*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Paine, T. 1797. *Paine: Collected Writings*. Dlm: Paine, T. *Agrarian Justice*, 396-413. United States of America: The Library of America.
- al-Qaradawiyy, Yusuf. 1994. *Fiqh al-Zakat*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Rauhut, D., Hatti, N. & Olsson, C. A. 2005. *Economist and Poverty: From Adam Smith to Amartya Sen*. India: Vedams ebooks Pvt. Ltd.
- Roberts, S. 2017. *The Cycle of Poverty and Poor Health*. Health Poverty Action.
- Shofian Ahmad & Amir Husin Mohd. Nor. 2002. *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Smith, A. 1776. *An Inquiry into the Nature and Causes of The Wealth of Nations*. London: W. Strahan and T. Cadell.
- Surtahman Kastin Hassan. 1996. *Kemiskinan dan Pembasmian Kemiskinan Mengikut Perspektif Islam*. Dlm: Chamhuri Siwar & Nor Aini Hj. Idris (pnyt.). *Kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi Islam*, 70-81. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ulaysh & Muhamad. 1984. *Sharh Minh al-Jalil 'ala Mukhtasar al-'Allamah al-Khalil*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Zahir Zainuddin. 2018. *Transformasi Sosial Malaysia: Kumpulan Esei*. Mohamad Zahir Zainudin.

Jurnal

- Checchi, D. 1998. 'Povertà ed istruzione: alcune riflessioni ed una proposta di indicatori' [*Poverty and Education: Some Reflections and a Proposal of Indicators*]. *Politica Economica*, 14(2): 245-282.
- Faridah Abu Hassan, Naimah Ishak, Hamidah Yusof & Habibah Abdul Rahim. 2005. *Kemiskinan dan Pendidikan: Perubahan Minda Orang Melayu Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik*. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 7: 25-56.
- Fauzi Arif Lubis. 2018. *Miskin Menurut Pandangan al-Quran*. *Tansiq*, 1(1): 71-72.
- Haron Daud. 1995. *Pemikiran dan sikap Za'ba terhadap Bangsa Melayu*. *Jebat*, 25: 107-221
- Ibrahim & Radin. 2014. *Penilaian Akses Makanan Dan Penentu Perbelanjaan Ke Atas Makanan Dalam Kalangan Petani Padi Di Kawasan Pengairan Muda*. *International Journal of Environment, Society and Space*, 2(1): 18-32.

- Lewis, O. 1966. *The Culture of Poverty*. Scientific American, 215(4): 19-25.
- Nor Haidanadia Hasni, Mustaffa Omar, Sharina Abdul Halim & Nurasyikin Ghazali. 2016. *Ancaman Sekuriti Makanan Terhadap Komuniti Lanoh: Kajian Kes Di Kampung Air Bah, Lenggong, Perak*. Journal of Social Science and Humanities, Special Issue 2, 143-159.
- Norzita Jamil & Siti Hadijah Che Mat. 2014. *Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal*. Jurnal Ekonomi Malaysia 48(1): 167 – 177.
- Ravallion, M. 1998. *Poverty Lines in Theory and Practice*. LMS Working Paper, 133. The World Bank.
- Sen, A. 1983. *Poor Relatively Speaking*. Oxford Economic Papers 35, 153-169.
- Stigler, G. J. 1990. *Ricardo or Hollander*. Oxford Economic Papers, Vol. 42, 1990, 765-768.
- Suryawati, C. 2005. *Memahami Kemiskinan Secara Multidimensional*. Jurnal Manajemen Pelayanan Kesehatan, 8(3): 121-129.

Seminar

- Mansor Bin Sulaiman, Hasan Bin Ahmad, Ahmad Irfan Bin Ikmal Hisham, Noradilah Binti Md Nordin & Saharudin Bin Ramli. 2013. *Had Al-Kifayah Di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin Dan Kaya Berasaskan Sunnah di Malaysia*. Dlm: Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah (Musnad 2): Realiti dan Cabaran, 3-4 Julai 2013, 1-14.

Internet

- WHO. 2020. Poverty and Health. World Health Organization. <https://www.worldbank.org/en/topic/health/brief/poverty-health>(diakses pada 5 Mei 2021).
- World Bank. 2004. Sri Lanka: Development Policy Review. Poverty Reduction and Economic. <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/14577> (diakses pada 8 Mei 2021)
- Zulkipli Omar. 2018. Konsep Berbeza Miskin Mutlak, Relatif. Berita Harian. <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20180410/281943133457671> (diakses pada 11 Mei 2021).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.